

CI-/02/2023

Ahad, 5 Februari 2023

SABERKAS bantu tingkatkan penglibatan wanita dalam ekonomi

KAPIT, 5 Feb - Persatuan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (SABERKAS) dilihat dapat membantu meningkatkan penglibatan wanita dalam ekonomi.

Menteri Kerja Raya, Dato' Seri Alexander Nanta Linggi berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Makan Malam sempena Program Siri Jelajah Lawatan dan 'Outreach' Suku Kedua SABERKAS di Kapit.

"Ekonomi merupakan sesuatu yang penting bagi sesebuah negara dan wanita memainkan peranan yang penting dalam aktiviti ekonomi negara melalui peranannya yang produktif dan reproduktif," ujarnya lagi.

Beliau turut menekankan, wanita bukan lagi hanya pendukung dan penyokong kepada keputusan yang diambil oleh kaum lelaki, namun wanita juga boleh terlibat dalam membuat keputusan dasar dalam pelbagai bidang sejajar dengan arus globalisasi masakini.

Nanta juga mengucapkan syabas kepada 150 orang peserta program yang terdiri daripada ahli Wanita SABERKAS Cawangan Pelagus, Katibas, Bukit Gotam dan Baleh, ahli PEMADAM, Wanita GPS, ahli Wanita Serakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) kerana telah berjaya mengikuti program hari ini yang telah mendedahkan mereka kepada aktiviti keusahawanan.

Program SABERKAS semalam telah memberikan pendedahan yang sewajarnya melalui sesi bual bicara bersama usahawan wanita yang berjaya, di samping turut mengadakan bengkel membuat rantai tradisoonal menggunakan manik.

Penglibatan wanita dalam sektor ekonomi adalah masih rendah dan melalui pendedahan yang diberikan oleh SABERKAS boleh membuka peluang baharu kepada golongan wanita.

Untuk rekod, berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2021, penyertaan wanita di Malaysia dalam sektor tenaga buruh hanyalah 55.5 %, berbanding penglibatan wanita negara asia lain seperti Singapura, 69.7 % manakala Thailand adalah sebanyak 66.8 %. - TAMAT-

Berita Oleh: Mohd Saufi Omar (JaPen Kapit)

Foto Oleh : Daniel Jong (JaPen Kapit)

Gambar PENERANGAN menunjukkan:

Foto 1 : Dato Seri Alexander Nanta Linggi semasa memberikan ucapan

Foto 2: Dato Seri Alexander Nanta Linggi menyampaikan cendera kenangan kepada Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali yang menyempurnakan Program Siri Jelajah Lawatan dan 'Outreach' Suku Kedua SABERKAS di Kapit.

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : pensarawak@inform.gov.my

Foto 3 : Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada salah seorang penerima.